

PROPOSAL CADANGAN KARYA BAKAT MUDA SEZAMAN

NAMA: MOHAMAD IKMAL BIN MUSTAFA

BAKAT MUDA SEZAMAN 2021

PENGENALAN

Bersyukur saya kepada yang Maha Besar kerana telah memberi saya keyakinan untuk saya mengambil langkah menyertai pertandingan Bakat Muda Sezaman 2021.

Bersama-sama beberapa individu dibelakang saya yakni rakan-rakan yang memberi kata-kata hikmah dan semangat untuk menceburkan diri dalam dunia seni di Malaysia.

Saya merupakan graduan lepasan Universiti Malaysia Kelantan, dalam bidang seni halus dari tahun 2015 sehingga 2019. Sekarang bekerja sebagai seorang pereka grafik untuk sebuah syarikat pencetakan kecil di Batu Pahat, Johor. Saya berterima kasih kepada Hujung Tanah Art Residensi kerana meyakinkan saya untuk menyertai pertandingan Bakat Muda Sezaman 2021 pada kali ini.

Sekian disini untuk pengenalannya.

TAJUK- CERITA KUCING

Tajuk dipilih kerana karya yang dihasilkan berbentuk sekumpulan kucing jalanan. Karya yang diperbuat daripada media campuran buatan sendiri yang dihasilkan daripada tepung jagung. Jumlah keseluruhan bagi karya ini adalah melebihi 100buah arca yang dihasilkan sendiri oleh artis.

Cerita Kucing menceritakan tentang kepelbagaian jenis dan kepelbagian perwatakan, bagi setiap arca kucing tersebut. Karya ini menceritakan tentang haiwan seperti kucing juga mempunyai sifat dan watak yang sama seperti manusia. sebagai contoh kucing jalanan akan berbuat apa sahaja untuk makanan begitu juga manusia yang berkerja untuk meneruskan kehidupan. Kucing atau haiwan lain juga mempunyai watak yang pelbagai sama seperti manusia yang mempunyai banyak perwatakan.

Karya yang dihasilkan adalah untuk menimbulkan kesedaran kepada manusia agar tidak melakukan penderaan terhadap haiwan seperti kucing atau haiwan-haiwan lain, kerana mereka juga ingin meneruskan kehidupan, walaupun mereka tidak berakal seperti manusia tetapi mereka mempunyai mempunyai emosi dan perasaan seperti kita.

Implikasi karya


Karya ini akan menumbulkan kesedaran terhadap manusia supaya tidak melakukan penderaan terhadap haiwan seperti kucing atau haiwan lain ,kerana mereka juga mempunyai perasaan yang hampir sama seperti manusia. Disamping itu, karya ini juga ingin mengetengahkan media yang dihasilkan sendiri oleh artis iaitu tepung jagung sebagai bahan utama dalam penghasilan setiap arca yang dihasilkan.

Cadangan karya


Karya yang dihasilkan adalah dalam bentuk arca 3D berbentuk kucing dengan jumlah lebih daripada 100 buah arca kucing dengan pelbagai warna dan watak disusun disebuah lokasi. Saiz bagi setiap arca adalah berbeza dengan pelbagai saiz untuk menunjukkan keunikan dalam karya yang akan dipamirkan kepada audians.


LAKARAN IDEA













CONTOH KARYA AKHIR



